

**Simulasi Pilihan Raya Berjalan Lancar, Kata Setiausaha Agung  
Bernama  
Julai 20, 2011**

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Simulasi pilihan raya yang dijalankan di semua bahagian Umno berjalan lancar, kata Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor.

Beliau berkata simulasi pilihan raya itu diadakan atas arahan Ibu Pejabat Umno selepas Majlis Tertinggi parti pada 27 Mei lepas memutuskan ia hendaklah diadakan sebagai persiapan menghadapi pilihan raya umum nanti.

"Tidak ada simulasi di peringkat pusat atau di ibu pejabat Umno, kita cuma adakan di bahagian-bahagian," katanya kepada Bernama di sini Rabu.

Tengku Adnan berkata bahawa dalam proses simulasi itu, bahagian-bahagian telah memilih, mengenal pasti nama-nama pengundi, nama-nama calon dan jawatankuasa pilihan raya parti supaya proses berkenaan dapat diadakan selancarnya.

Beliau juga berkata semua 191 bahagian Umno juga sudah mengadakan persidangan perwakilan masing-masing.

Tengku Adnan berkata ibu pejabat Umno sedang membuat persediaan bagi Perhimpunan Agung Umno yang dijangka diadakan pada 29 atau 30 Okt hingga 3 Nov ini.

Umno sebelum ini memutuskan supaya pemilihan di peringkat cawangan, bahagian dan Majlis Tertinggi yang dijadualkan diadakan pada tahun ini ditangguhkan selama 18 bulan.

Keputusan itu dibuat bagi membolehkan Umno memberi tumpuan kepada proses pemantapan dan pemulihan parti berdasarkan Model Baru Politik yang bertujuan memastikan kelangsungan Umno sebagai parti yang menerajui pemerintahan negara.

-- BERNAMA